

## LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS 01/2009

NOTIS KEPADA PEMILIK KAPAL, EJEN PERKAPALAN, NAHKODA, MALIM PELABUHAN, OPERATOR BUNKER VESEL, OPERATOR TERMINAL PELABUHAN DAN KOMUNITI PELABUHAN

---

### LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN PELAYARAN DIKAWASAN LABUHAN KAPAL (ANCHORAGE AREA) DI PELABUHAN KLANG

---

1. Sejak kebelakangan ini jumlah kapal yang berlabuh di kawasan labuhan (*anchorage area*) didalam pelabuhan telah meningkat. Terdapat juga beberapa kapal yang berlabuh untuk tempoh yang agak lama tanpa menjalankan apa-apa aktiviti. Ini menjejaskan peluang dan ruang untuk kapal-kapal yang perlu berlabuh sementara menunggu kekosongan dermaga. Selain dari itu jumlah bunker vesel yang beroperasi di dalam kawasan pelabuhan juga telah bertambah.
2. Keadaan sedemikian telah menyebabkan kesesakan di kawasan labuhan dan mengancam keselamatan pelayaran dimana beberapa kejadian pelanggaran telah pun berlaku.
3. Untuk meningkatkan tahap keselamatan pelayaran, langkah-langkah berikut hendaklah dipatuhi berkuatkuasa 1 Jun 2009:-
4. Jumlah kapal-kapal yang dibenarkan berlabuh di Deep Water Point Reserve (DWPR) akan dihadkan oleh Menara Trafik Pelabuhan Klang (Port Klang Trafik). Arahan akan dikeluarkan kepada kapal-kapal untuk berlabuh di kawasan alternatif yang dibenarkan sekiranya didapati DWPR sesak. Kapal-kapal tanker termasuk bunker vesel yang tidak dapat berlabuh di DWPR hendaklah berlabuh di Deep Water Point North (DWPN).
5. Aktiviti bunkering hanya dibenarkan dikawasan labuhan Deep Water Point Reserve (DWPR), Deep Water Point South (DWPS) dan Deep Water Point North (DWPN) serta dermaga-dermaga tertakluk kepada kelulusan pihak terminal. Aktiviti '*ship to ship transfer*' (STS) diantara bunker vessel pula hanya dibenarkan di DWPN dilokasi diantara boya 8 dan boya 10. Kapal-kapal tidak dibenarkan berlabuh secara '*double banking*' dimana-mana kawasan labuhan kecuali kapal-kapal yang menjalankan aktiviti STS di DWPN.

6. Kapal-kapal selain dari bunker vessel yang berdaftar dengan Lembaga Pelabuhan Kelang yang berada di dalam pelabuhan untuk tempoh melebihi 2 minggu dari tarikh masuk ke pelabuhan hendaklah mengistiharkan status dan sebab-sebab ianya masih berada di dalam pelabuhan. Kapal-kapal berkenaan yang tidak mengistiharkan status akan dianggap berada di kawasan pelabuhan tanpa kebenaran dan tindakan akan diambil.
7. Sebarang pertanyaan berhubung notis ini hendaklah ditujukan kepada Pengurus Gerakan Merin LPK ditalian 012-2779126 / email: subra@pka.gov.my atau Penyelia Port Klang Trafik ditalian 03-31011512 / email: vtms@pka.gov.my.

**CAPT. K.SUBRAMANIAM**  
**b.p. PENGURUS BESAR**  
**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**

29 Mei 2009